NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 04/02/2008

# 'Saya senang hati kalau menteri tak gaduh'

um - 4/2/2008

Oleh WAN RAMLI WAN MUHAMAD

**DUNGUN** 3 Feb. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu setiap menteri berbincang dalam menyelesaikan segala masalah yang berbangkit sesama mereka.

"Saya harap menteri janganlah gaduh, menteri tak gaduh, Perdana Menteri pun senang hati," kata beliau semasa berucap merasmikan majlis Peletakan Batu Asas Kampus Tetap Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Bukit Besi, di sini hari ini.

Hadir sama isteri beliau Datin Seri Jeanne Abdullah, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh dan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Tan Sri Datuk Dr. Wan Zahid Mohd. Nordin.

Pembinaan kampus UiTM yang berharga RM54 juta dibangunkan di kawasan seluas 484 hektar iaitu fasa pertama yang membabitkan keluasan 122 hektar, manakala fasa kedua seluas 362 hektar.

Perdana Menteri berharap sikap yang ditunjukkan oleh dua menteri iaitu Idris dan Mustapa dalam berbincang dan menubuhkan UiTM Bukit Besi dapat dicontohi oleh pihak lain.

Beliau juga mahu pembinaan kampus Bukit Besi itu dapat dilaksanakan secepat mungkin kerana pembangunan pendidikan negara perlu diberi perhatian bagi memastikan modal insan kelas pertama dapat dicapai.

Katanya, pembinaan UiTM diharap dapat dipercepat tanpa perlu mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan.

Perdana Menteri menegaskan beliau masih berpegang kuat betapa pentingnya pembangunan modal insan diutamakan dalam perancangan pembangunan yang dilaksanakan.

Katanya, pembangunan yang seimbang di seluruh negara dalam pelbagai bidang amat penting selaras dengan usaha menjadi Malaysia sebuah negara maju.

Menurut Abdullah, usaha menambah nilai kebolehan individu terhadap ilmu pengetahuan dan kebolehan yang dimiliki perlu ditekankan bagi memastikan mereka terus memajukan diri seiring dengan kemajuan negara.

Katanya, pembangunan modal insan mesti diutamakan bukan sahaja melibatkan golongan tidak bekerja tetapi mereka yang sudah bekerja dalam pelbagai peringkat.




**ABDULLAH Ahmad Badawi meletakkan batu asas sambil diperhatikan Jeanne Abdullah, Idris Jusoh dan Mustapa Mohamed pada majlis meletakkan batu asas Projek UiTM di Bukit Besi, Terengganu, semalam.**
**– Gambar AZLAN BAHRUM**

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA